

## **Keentingan Pelaksanaan Deklarasi Harta Sepencarian dalam Perancangan Harta Pusaka Islam di Malaysia**

### ***The Significance of Implementing Matrimonial Property Declarations in Islamic Estate Planning in Malaysia***

**Muhamad Mu'izz Abdullah<sup>1\*</sup>, Md Yazid Ahmad<sup>1</sup>, Muhammad Nazir Alias<sup>1</sup>, Mohd Zamro Muda<sup>1</sup>, Muhamad Hazim Ismail<sup>1</sup> & Mohamad Hidir Baharuddin<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> *Research Center for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

<sup>2</sup> *Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, 80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*\*Corresponding author: [muizz@ukm.edu.my](mailto:muizz@ukm.edu.my)*

#### **ABSTRAK**

Pemahaman dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia tentang tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Syariah, khususnya dalam kes poligami, perceraian atau kematian, masih berada pada tahap sederhana. Isu kritikal berpunca daripada ketiadaan Deklarasi Harta Sepencarian iaitu suatu Perjanjian Perkahwinan (*Prenuptial Agreement*) yang ditandatangani oleh kedua-dua pasangan pada awal perkahwinan mereka untuk melindungi hak masing-masing. Akibatnya, tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Syariah selalunya sangat kompleks dan mempunyai implikasi yang ketara terhadap institusi keluarga. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepentingan pelaksanaan Deklarasi Harta Sepencarian dalam menangani isu-isu berkaitan tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan dengan mengkaji artikel berkaitan harta sepencarian yang diterbitkan sejak lima tahun lalu dari 2020 hingga 2024. Kesemua artikel berkaitan diambil daripada pangkalan data Google Scholar dan Scopus dan kemudian dianalisis secara deskriptif. Kajian ini dapat mengenal pasti 22 artikel berkaitan harta sepencarian dengan empat tema utama. Walau bagaimanapun, didapati tiada perbincangan secara khusus mengenai Deklarasi Harta Sepencarian dalam kesemua artikel tersebut. Empat tema utama yang dikenal pasti merangkumi (i) persoalan adat dan hukum harta sepencarian daripada perspektif syarak; (ii) jenis, takat sumbangan dan amalan pembahagian harta sepencarian; (iii) pengendalian kes harta sepencarian di Mahkamah Syariah dan isu keadilan; serta (iv) perbandingan antara undang-undang Syariah dan undang-undang sivil dalam konteks harta sepencarian. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa Deklarasi Harta Sepencarian berfungsi sebagai langkah persediaan yang optimum untuk pihak berkepentingan dalam menyelesaikan tuntutan harta bersama di Mahkamah Syariah.

**Kata kunci:** Deklarasi Harta Sepencarian; Harta Sepencarian; Perancangan Harta Pusaka Islam; Perkahwinan; Mahkamah Syariah

**Received:**  
**January 8,**  
**2026**

**Revised:**  
**June 9, 2026**

**Accepted:**  
**June 22, 2026**

**Online**  
**Published:**  
**June 25, 2026**

### **ABSTRACT**

*The understanding among the Malay community in Malaysia regarding claims for matrimonial property at the Syariah Court, particularly in cases of polygamy, divorce or death, is still at a moderate level. The critical issue stems from the absence of a Declaration of Matrimonial Property, namely a Prenuptial Agreement signed by both spouses at the beginning of their marriage to safeguard their respective rights. Consequently, matrimonial property claims in the Syariah Court often become highly complex and have significant implications for family institutions. This study aims to examine the significance of implementing the Declaration of Matrimonial Property in addressing issues related to matrimonial property claims in the Syariah Court in Malaysia. This study employs a qualitative method through a content analysis approach by examining articles on matrimonial property published over the most recent five-year period, from 2020 to 2024. The articles were retrieved from the Google Scholar and Scopus databases and subsequently analysed descriptively. The research identified 22 articles related to matrimonial property, with four main themes. However, the retrieved articles did not specifically discuss the Declaration of Matrimonial Property. This study identified 22 articles related to matrimonial property with four main themes, namely: (i) the issues of custom and the ruling on matrimonial property from an Islamic perspective; (ii) the types, extent of contribution, and distribution practices of matrimonial property; (iii) the handling of matrimonial property cases in the Syariah Court and issues of justice; and (iv) the comparison between Syariah law and Civil law in the context of matrimonial property. In conclusion, this study finds that the Declaration of Matrimonial Property serves as an optimal preparatory step for interested parties in resolving joint property claims in the Syariah Court.*

**Keywords:** *Declaration of Matrimonial Property; Matrimonial Property; Islamic Estate Planning; Marriage; Syariah Court*

### **PENDAHULUAN**

Walaupun statut di Malaysia mendefinisikan harta sepencarian secara umum, perincian mengenai klasifikasi aset yang layak dituntut dan parameter sumbangan tidak langsung masih memerlukan interpretasi kehakiman yang lebih mendalam. Sebagai contoh, Akta Perempuan Bersuami (Pindaan 1990) merupakan statut utama yang berkaitan dengan harta wanita bersuami, tiada rujukan dibuat kepada istilah harta sepencarian. Akta Membarui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, Akta 164 juga tidak mendefinisikan istilah tersebut dan kegagalan ini telah menyebabkan ketidakpastian dalam menentukan apa yang patut dan tidak patut dimasukkan dalam pembahagian (Abd Ghadas & Ibrahim, 2012). Namun begitu, definisi umum harta sepencarian dapat dirujuk dalam kes Ching Seng Woah v Lim Shook Lin [1997] 1 MLJ 109, Hakim Shankar berkata bahawa:

*“...the expressions refer to the matrimonial home and everything which is put into it by either spouse with the intention that their home and chattels should be a continuing resource for the spouses and their children to be used jointly and severally for the benefit of the family as a whole. It matters not in this context whether the asset is acquired solely by the one party or the other or by their joint efforts. Whilst the marriage subsists, these assets are matrimonial assets. Such assets could be capital assets. The earning power of each spouse is also an asset.”*

Definisi di atas dengan jelas menunjukkan bahawa harta sepencarian sepatutnya merangkumi apa-apa yang diperolehi semasa perkahwinan. Menurut Hooker (1970), harta sepencarian meliputi semua harta yang diperolehi melalui usaha bersama pasangan suami isteri dalam tempoh perkahwinan mereka. Definisi ini turut merangkumi sebarang pertambahan nilai pada harta yang dimiliki sebelum perkahwinan, yang dikenali sebagai harta asal, sekiranya nilai tersebut meningkat semasa tempoh perkahwinan. Namun, terdapat beberapa pengecualian penting dalam penentuan harta sepencarian. Berdasarkan kes *Ningal @ Yang Chik v. Jamal* (1989) 5 JH (1) 186, aset yang diperolehi di luar tempoh perkahwinan yang sah - sama ada sebelum perkahwinan, semasa perkahwinan yang tidak sah, atau selepas perceraian - tidak dikategorikan sebagai harta sepencarian. Dalam kes *Che Abdullah Che Kob v. Wan Jarah Wan Daud* [2005] 20 JH (2) 200 pula, ditetapkan bahawa harta yang diterima melalui warisan, hadiah, atau pemberian semasa perkahwinan diklasifikasikan sebagai harta individu (Bakar & Hashim, 2008). Satu lagi pengecualian penting, seperti yang diputuskan dalam kes *Rahima Baba v. Abu Hanifah Bachik* [2005] 19 JH (1) 171 adalah berkaitan dengan kewujudan perjanjian pelepasan. Jika salah satu pihak telah menandatangani perjanjian yang menolak hak tuntutan ke atas sesuatu harta sebagai harta sepencarian sekiranya berlaku perceraian, dan perjanjian ini telah direkodkan sebagai perintah mahkamah, maka harta berkenaan tidak akan dianggap sebagai harta sepencarian.

Manakala, harta sepencarian dalam konteks undang-undang Islam merujuk kepada *“harta yang diperolehi secara bersama sepanjang tempoh perkahwinan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak”* (Sholihah, 2007). Di Malaysia, konsep ini telah ditafsirkan dalam pelbagai enakmen negeri dengan beberapa variasi. Bagi kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia, khususnya Selangor, Johor, Perak, Pahang dan Melaka, definisi yang digunakan adalah seragam. Melalui peruntukan dalam enakmen Undang-Undang Keluarga Islam masing-masing, harta sepencarian difahami sebagai *“harta yang diperolehi secara bersama oleh suami dan isteri sepanjang tempoh perkahwinan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak”* (Seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003, En.17/03; Seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, En. 2/03; Seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Perak) 2004, En. 6/04; Seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pahang) 2005, En. 3/2005; Seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, En. 12/2002). Definisi yang lebih terperinci dapat dilihat dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003, di mana Seksyen 2 memperincikan bahawa perolehan harta tersebut boleh berlaku *“sama ada secara langsung atau tidak langsung”*. Pendekatan yang sama diambil oleh Sabah dan Sarawak dalam enakmen dan ordinan mereka, dengan satu-satunya perbezaan ketara adalah penggunaan istilah *“Undang-Undang Islam”* berbanding *“Hukum Syarak”* dalam peruntukan perundangan mereka (Seksyen 2, Enakmen

Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak) 2004, 8104; Seksyen 2, Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak) 2001 (Bab 43)).

Tidak dapat dinafikan, harta sepencarian memainkan peranan penting dalam kestabilan keluarga dan pembangunan masyarakat (Ahmed et al., 2021). Deklarasi Harta Sepencarian yang signifikan telah mendorong kepada pengubalan undang-undang di beberapa negara Islam, seperti Tunisia dan Morocco (Milad et al., 2022). Sebagai contoh, di Tunisia, pengubalan undang-undang berkaitan sistem perkongsian harta antara suami isteri melalui Undang-undang No. 91 Tahun 1998 telah dilaksanakan. Artikel 23 undang-undang tersebut menyatakan bahawa isteri perlu menyumbang dalam perbelanjaan keluarga jika dia mempunyai harta. Begitu juga Undang-undang keluarga Morocco dalam artikel 49 membincangkan tentang perkongsian harta antara suami isteri. Beberapa keputusan berkaitan pembahagian harta sepencarian juga dapat dirujuk dalam mahkamah di Morocco contohnya Kes Mahkamah Rendah Agadir (No. 1994/298), Kes Mahkamah Rayuan Marrakesh (No. 1984/410), Kes Mahkamah Rendah Tangier (No. 2007/2501) dan Kes Mahkamah Keluarga Rabat (No. 2008/193) (Milad et al., 2022).

Manakala di Indonesia, Undang-undang seperti Undang-undang Indonesia Nombor 1 Tahun 1974 mengiktiraf harta sepencarian yang diperolehi semasa perkahwinan, dengan menekankan kepentingan persetujuan bersama dalam pembahagian harta (Nurunnisa et al. & Apriantoro et al., 2023 & Rouf, 2024). Prinsip *Syirkah Abdan* membenarkan pembahagian harta perkahwinan secara saksama berdasarkan sumbangan setiap pasangan, sama ada dari segi kewangan atau kerja-kerja rumah tangga (Judiasih, 2015; Elimartati & Elfia, 2020; Marlina & Mubarak, 2022; Rouf & Nurnazli et al., 2024). Malah di Malaysia, kepentingan deklarasi harta sepencarian turut dilihat penting melalui implikasi pindaan Seksyen 51 Akta 164, Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 yang melibatkan pasangan perkahwinan sivil yang memeluk Islam. Pindaan tersebut dibuat bagi memberi ruang dan peluang kepada kedua-dua pihak untuk membuat petisyen perceraian serta membuat lain-lain tuntutan seperti tuntutan terhadap harta sepencarian dalam perkahwinan (Mohd Sukri et al., 2020).

Walaupun harta sepencarian diakui begitu signifikan untuk dibincangkan, topik ini tidak dibincangkan secara meluas oleh para fuqaha klasik, menjadikannya satu isu kontemporari berdasarkan ijtihad dan kebijaksanaan hakim berdasarkan sumbangan suami dan isteri (Md Yazid et al., 2024). Menurut Yusoff et al., (2021), sumbangan secara langsung suami dan isteri tidak menimbulkan pertikaian dalam tuntutan harta sepencarian. Namun, isu kritikal yang timbul melibatkan sumbangan secara tidak langsung. Hasil penelitian hampir 20 buah kitab turath oleh Yusoff et al., (2021) ini, *Akad al-Ijarah* adalah antara solusi terbaik untuk si isteri bagi melayakkannya mengambil upah tertentu mengikut pandangan jumur. Ia berkaitan dengan jumlah terhad yang masih tertanggung pembayarannya dan dimasukkan ke dalam harta sepencarian. Kajian juga mendapati bahawa sumbangan tak langsung yang berkait dengan kerja luar rumah juga, boleh dilakukan *Akad Syirkah Abdan* mengikut pandangan mazhab Hanafi dan boleh dikaitkan dengan jumlah keuntungan yang berkembang dan dimasukkan ke dalam harta sepencarian. Pemahaman dan pengurusan harta sepencarian adalah penting untuk melindungi hak kewangan kedua-dua suami isteri dan mencegah potensi kerosakan terhadap kestabilan keluarga dan masyarakat (Ahmed et al., 2021; Noor et al., 2023; Djawas & Samad, 2020).

Berdasarkan perbincangan di atas, isu-isu mengenai harta sepencarian masih relevan untuk dibincangkan. Justeru, bagi menyumbang kelestarian dalam penyelesaian tuntutan harta

sepencarian yang lebih holistik, kajian yang dijalankan ini akan mengkaji signifikan pelaksanaan Deklarasi Harta Sepencarian dalam perancangan harta orang Islam seterusnya membantu merungkai permasalahan isu tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah. Ini kerana, Deklarasi Harta Sepencarian yang dilaksanakan ketika kedua-dua pihak masih hidup, membolehkan suami isteri merekodkan dan mengesahkan tahap sumbangan masing-masing secara telus dan sistematik, sekali gus menawarkan pendekatan yang lebih komprehensif dalam penyelesaian pertikaian harta sepencarian.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kajian mengenai Deklarasi Harta Sepencarian adalah berkait rapat dengan tuntutan harta sepencarian. Harta sepencarian merupakan salah satu bentuk konsep kehartaan dalam perkahwinan yang mempunyai ciri-cirinya tersendiri. Isu perbincangan mengenai harta sepencarian ini telah mendapat perhatian agamawan, institusi kefatwaan, pihak kerajaan para sarjana dan pengamal undang-undang di Malaysia. Justeru, tidak dinafikan bahawa penulisan dan kajian yang berkaitan dengan harta sepencarian telah banyak dilakukan mutakhir ini. Menurut Ngspar dan Hussin (2023) terdapat praktis Perjanjian Perkahwinan dan Perceraian yang dipraktikkan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Ia merupakan alternatif penyelesaian menerusi rundingan antara pihak-pihak dalam melindungi hak dan kepentingan masing-masing jika berlakunya perpisahan, kematian mahupun sebarang konflik dalam perhubungan. Perjanjian ini turut diaplikasikan sebelum atau selepas pasca perkahwinan atau ketika perceraian. Mochammad Sahid et al., (2020) menjelaskan bahawa mekanisme rundingan damai adalah menepati konsep *sulh* dalam Islam untuk menjaga kemaslahatan kedua-dua pihak atau waris terlibat. Walaupun amalan ini lebih terarah kepada konsep *ta'lik* talak, namun kajian ini melihat ianya hampir kepada pelaksanaan Deklarasi Harta Sepencarian yang memfokuskan kepada penyelesaian tuntutan harta melibatkan pihak-pihak berkepentingan.

Penggunaan deklarasi bukanlah sesuatu yang asing. Ini kerana, aplikasinya turut digunakan oleh wanita di Barat seperti di England sebelum mereka berkahwin bagi melindungi hak dan kepentingan mereka terhadap harta yang dimiliki (Rajamanickam et al., 2019). Berdasarkan tinjauan awal, kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa institusi perancangan harta yang menawarkan produk yang berkaitan dengan Deklarasi Harta Sepencarian. Contohnya seperti Syarikat as-Salihin Trustee Berhad, Wassiyah Shoppe Berhad dan Amanah Raya Berhad yang memperkenalkan penyediaan Deklarasi Harta Sepencarian (Sitiris & Halim, 2010; as-Salihin Trustee Berhad, 2024; Wassiyah Shoppe Berhad, 2024). Malah terdapat juga penyediaan deklarasi tersebut dan khidmat perundingan disediakan oleh firma guaman. Perjanjian ini kemudian ditandatangani oleh kedua belah pihak sebelum perkahwinan dan kemudiannya dihadkan di hadapan notaris atau peguam yang sah. Dokumen ini akan menjadi rujukan dalam hal pembahagian harta sepencarian jika berlaku perceraian atau kematian salah seorang pasangan (Syukrawati et al., 2024). Manfaat penyediaan dokumen pranikah atau deklarasi harta sepencarian ini adalah penting untuk melindungi hak suami isteri, pembahagian mengikut persetujuan bersama, mempercepat proses pembahagian dan menjimatkan kos pengurusan, tiada pertelingkahan dan memudahkan semua pihak (as-Salihin Trustee Berhad, 2024).

Kajian ini mengenal pasti pelaksanaan Deklarasi Harta Sepencarian dalam perancangan harta pusaka Islam Muslim sebagai bidang perbincangan yang penting. Walaupun konsep dan aplikasi Deklarasi Harta Sepencarian telah diterokai dalam kajian terdahulu seperti Sitiris & Halim (2010) yang membincangkan deklarasi yang dibuat di hadapan pesuruhjaya sumpah

sebagai bukti undang-undang, Ngspar & Hussin (2023) yang membincangkan Perjanjian Perkahwinan dan Perceraian di Mahkamah Syariah, dan Rajamanickam et al. (2019) yang membincangkan perjanjian pranikah termasuk amalan di England untuk melindungi harta. Namun, perbincangan mengenai pelaksanaan praktikalnya masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kepentingannya dengan menjalankan analisis komprehensif terhadap kajian lepas mengenai harta sepencarian. Kajian literatur terdiri daripada artikel akademik yang diperoleh menggunakan kata kunci "Deklarasi Harta Sepencarian" dan "harta sepencarian". Carian ini secara khusus tertumpu pada penyelidikan yang berkaitan dengan Malaysia untuk memastikan kerelevanannya. Kata kunci ini dipilih untuk memaksimumkan bilangan kajian yang berkaitan dan untuk mengenal pasti jurang penyelidikan sedia ada mengenai Deklarasi Harta Sepencarian. Kajian ini memberi tumpuan kepada tempoh lima tahun terkini (2020–2024) untuk memastikan penyertaan penemuan semasa dan perspektif kontemporari. Sebanyak 22 artikel telah diambil daripada pangkalan data *Google Scholar* dan *Scopus*. Kedua-dua pangkalan data ini dipilih kerana kredibiliti yang tinggi dan penggunaannya yang meluas dalam kalangan penyelidik untuk menerbitkan kajian mengenai harta sepencarian. Tambahan pula, pangkalan data ini menawarkan akses komprehensif kepada sumber akademik yang berkaitan, menjadikannya sesuai untuk tinjauan literatur yang meluas.

**Jadual 1**

*Analisis Sorotan Literatur Harta Sepencarian*

No.	Tema	Penulis	Objektif	Hasil Kajian	Jumlah artikel
1	Persoalan adat dan hukum harta sepencarian daripada perspektif syarak	i. Yusoff (2024) ii. Muhammad & Abdul Halim (2022). iii. Zaghoul et al., (2021) iv. Bosheya (2021). v. Mochammad Sahid et al., (2020),	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai semula asas perundangan Islam daripada perspektif fiqh dan realiti dalam harta sepencarian di Malaysia.</li> <li>• Melihat perbandingan dari sudut perundangan Malaysia, Morocco dan Tunisia.</li> <li>• Meneliti konsep uruf dan masalah sebagai sumber rujukan terhadap status wanita yang bekerja dalam harta sepencarian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan harta sepencarian yang merangkumi 'urf, syirkah, istishab dan masalah <i>mursalah</i> adalah tidak tepat dan tidak selaras dengan prinsip-prinsip <i>usul al-fiqh</i>.</li> <li>• Prinsip <i>syarikat al-abadan</i> menjadi asas dalam penetapan tuntutan harta sepencarian secara adil.</li> <li>• Terdapatnya perbezaan antara ketiga negara tersebut dalam tuntutan harta sepencarian meliputi waris yang berhak, masa tuntutan, perjanjian awal, kuasa mahkamah dan kadar peruntukan.</li> <li>• Wanita diberi pengiktirafan selayaknya</li> </ul>	5
2	Jenis, takat sumbangan dan amalan pembahagian	i. Tajul Urus et al., (2021) ii. Ahmad et al., (2021) iii. Abu Bakar et al., (2021) iv. Mazlan & Muda (2020)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganalisis isu tuntutan harta intelek dan hak cipta sebagai harta sepencarian suami isteri mengikut perspektif syarak dan undang-undang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mahkamah Syariah di Malaysia masih belum merekodkan sebarang kes tuntutan harta intelek.</li> <li>• Ulama klasik terdahulu tidak membincangkan mengenai kedudukan</li> </ul>	4

			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganalisis status akad nikah adakah secara lazim memberi kesan terhadap sumbangan pemilikan harta di antara suami dan isteri.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• hak cipta dan perlu ijtihad hakim syarie.</li> <li>• Perkahwinan yang sah memberi kesan dalam harta sepencarian.</li> </ul>	
3	Bagaimana kes-kes dikendalikan di Mahkamah Syariah dan isu-isu keadilan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sulaiman et al. (2023)</li> <li>Sahari et al. (2022)</li> <li>Mazlan &amp; Md Yunus (2023)</li> <li>Wan Adnan &amp; Buang (2021)</li> <li>Ahmad (2021)</li> <li>Siraji &amp; Abdul Halim (2021)</li> <li>Robbi &amp; Mahmud (2020)</li> <li>Mohd Zainon et al. (2021)</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji undang-undang harta sepencarian dalam konteks Islam di negara majoriti Islam dan minoriti, serta isu-isu berkaitan pewarisan, poligami, dan permohonan hibah sebagai penyelesaian yang berpotensi.</li> <li>• Mengkaji semula aplikasi sulh dalam tuntutan harta sepencarian.</li> <li>• Menganalisis pelaksanaan sulh dalam kes harta sepencarian yang melibatkan hartanah di Mahkamah Syariah, termasuk kajian semula keadilan maqasid (<i>al-'adl</i>).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan harta sepencarian berbeza-beza mengikut negara dan amalan. Contohnya, institusi kehakiman Syariah dan JKSM harus merangka mekanisme perundangan yang khusus dan sistematik untuk tuntutan yang dibuat semasa hayat pasangan atau selepas kematian.</li> <li>• Keperluan untuk pembaharuan perundangan dalam pengurusan harta sepencarian merangkumi tiga bidang utama: lokasi atau pusat pendaftaran tuntutan undang-undang, pentadbiran harta pusaka, dan bukti bertulis.</li> <li>• Kaedah <i>sulh</i> kekal sebagai penyelesaian yang paling banyak digunakan dan pantas.</li> </ul>	8
4	Perbandingan Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil	<ol style="list-style-type: none"> <li>Hussin et al. (2024)</li> <li>Ramlan et al. (2022)</li> <li>Ali et al. (2021)</li> <li>Hussin &amp; Daud (2020)</li> <li>Serji et al. (2021)</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji sejarah dan perkembangan amalan pembahagian harta sepencarian di Malaysia.</li> <li>• Meneliti kedudukan penyewaan bersama sebagai kaedah pembahagian harta sepencarian tunggal selepas kematian pasangan.</li> <li>• Mengkaji bagaimana mahkamah menggunakan elemen kepercayaan dalam menyelesaikan pertikaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Percanggahan bidang kuasa wujud antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dalam kes tuntutan harta sepencarian selepas kematian. Ini kerana perkara berkaitan pemberian probet dan surat kuasa pentadbiran kekal di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil.</li> <li>• Perjanjian penyewaan kolektif melancarkan prosiding Mahkamah Syariah mengenai tuntutan harta, termasuk permohonan elemen amanah yang penting.</li> </ul>	5
Jumlah					22

Berdasarkan dapatan daripada tinjauan literatur dalam Jadual 1, jelas bahawa penyelidik terdahulu telah mengkaji secara meluas pelbagai aspek pelaksanaan harta sepencarian. Walau

bagaimanapun, analisis terhadap 22 kajian yang dikaji mendedahkan jurang penyelidikan yang ketara, kerana penyelidikan terdahulu tertumpu terutamanya pada tuntutan harta sepencarian dalam empat tema utama. Tema pertama meneroka persoalan adat dan undang-undang harta sepencarian dari perspektif syariah, dengan sejumlah lima kajian yang mengkaji isu ini. Tema kedua memberi tumpuan kepada jenis dan tahap sumbangan, serta amalan pengagihan, yang terdiri daripada empat kajian. Tema ketiga, bidang yang paling banyak dikaji, merangkumi sepuluh kajian yang menganalisis bagaimana kes dikendalikan di Mahkamah Syariah dan isu keadilan yang berkaitan. Akhir sekali, tema keempat melibatkan perbandingan antara undang-undang syariah dan undang-undang sivil, dengan empat kajian yang dikhususkan untuk bidang ini.

### **Tema pertama: Persoalan Adat dan Hukum Harta Sepencarian Daripada Perspektif Syarak**

Tema pertama ini menonjolkan bagaimana undang-undang berkaitan harta sepencarian dipengaruhi oleh konteks adat dan prinsip hukum syariah khususnya yang diamalkan dalam masyarakat Melayu di Nusantara. Bosheya (2021) berhujah bahawa walaupun harta sepencarian berasal dari undang-undang adat Melayu, ia telah diiktiraf oleh undang-undang Syariah yang membolehkan pengiktirafan sumbangan tidak ketara isteri dalam perkahwinan. Kajian oleh Akhtar & Manjoo (2024), Sahid & Zahalan (2020) dan Ismail et al., (2022) turut menambah bahawa peranan adat tempatan dan prinsip *maslahah* dalam menentukan keadilan dalam pembahagian harta sepencarian. Ini menunjukkan keperluan untuk memahami bagaimana *'urf* dan hukum berinteraksi dalam mencorak undang-undang perkahwinan. Jelas bahawa Islam tidak menolak sepenuhnya amalan adat, selagi ia tidak bertentangan dengan prinsip syarak (Ramli, 2006). Pengiktirafan terhadap *'urf* dan adat setempat memainkan peranan penting dalam pembentukan dan pelaksanaan konsep harta sepencarian, memastikan keadilan dan kesesuaian dengan norma masyarakat (Sulong, 2012).

Meskipun membincangkan banyak aspek penting, kajian-kajian ini kurang menumpukan perhatian kepada isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pasangan dalam sistem undang-undang yang kompleks seperti prosedur mahkamah yang rumit dan kurangnya akses kepada nasihat undang-undang. Malah, kajian yang dijalankan juga tidak menyentuh mengenai pelaksanaan Deklarasi Harta Sepencarian secara khusus. Namun demikian, kajian-kajian tersebut telah menggariskan beberapa isu penting contohnya seperti jenis harta yang boleh dituntut, kaedah pembuktian, dan siapa yang layak membuat tuntutan. Ini juga menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk menetapkan garis panduan yang jelas dalam menentukan hak dan tanggungjawab pasangan dalam pembahagian harta sepencarian (Yusoff, 2024; Bosheya, & Zaghoul et al., 2021; Sahid et al., 2020).

### **Tema kedua: Jenis, Takat Sumbangan dan Amalan Pembahagian**

Tema ini memberi fokus kepada pengiktirafan terhadap pelbagai bentuk sumbangan dalam perkahwinan khususnya setelah sempurna akad perkahwinan yang sah di antara suami dan isteri (Ahmad & Ahmad & Desa, 2021). Kajian yang dilakukan oleh Muhammad & Abdul Halim (2022) menyoroti pentingnya menghargai sumbangan tidak ketara seperti kerja rumah dan sokongan emosi oleh pasangan. Tema kedua ini menekankan bahawa pembahagian harta sepencarian tidak hanya bersandar pada sumbangan kewangan tetapi juga aspek moral dan simbolik yang mempengaruhi kesejahteraan pasangan. Justeru, konsep harta sepencarian boleh difahami sebagai kesemua bentuk aset yang diperolehi semasa tempoh perkahwinan

merangkumi harta alih dan tidak alih (Majid, 1999; Zailan bin Abas and Others v. Zaiton binti Abdullah (2006) 22 JH (2) 279). Perolehan aset ini boleh berlaku melalui beberapa cara: sama ada melalui usaha bersama kedua-dua pasangan (Rogayah binti Ismail v. Abd Razak bin Sulung (2005) 20 JH (2) 342; Mansjur bin Abdul Rahman v. Kamariah bte Noordin (1989) 4 JH (2) 300), sumbangan material atau modal (Hazlina binti Hamidin v. Muhammad Zaidi bin Majid (2005) 20 JH (2) 217), atau hasil usaha suami dengan sokongan tidak langsung daripada isteri (Norayah Bakar v. Mohd Adnan Mohd. Amin (2006) 21 JH (1) 81). Sumbangan tidak langsung ini termasuk sokongan moral (Boto' bin Taha v. Jaafar bin Mohamed (1985) 2 MLJ 98), nasihat dan status mulia (Tengku Anun Zaharah v. Dato' Dr Hussien bin Mohamed Yusuf (1980) 3 JH 125), serta pengurusan rumah tangga (Rokiah v. Mohamed Idris (1989) 6 JH (2) 272).

Jenis dan takat sumbangan harta sepencarian turut merangkumi peningkatan nilai aset yang dimiliki sebelum perkahwinan (Hujah Lijah bte Jamal v. Fatimah binti Mat Diah (1950) MLJ 65), hasil daripada pelbagai bentuk pekerjaan suami isteri (Piah binti Said v. Che Lah bin Awang (1983) 2 JH 220), dan harta yang didaftarkan atas nama suami (Rahmah binti Mohd Lazim v. Rosnani binti Husain & 6 Others (2009) 29 JH (2) 161), selagi memenuhi kriteria Hukum Syarak. Namun begitu, perlu diambil kira bahawa pihak yang memberikan sumbangan lebih besar dalam perolehan aset tersebut berhak menerima bahagian yang lebih besar dalam pembahagiannya (Hamidah binti Abdullah v. Mohd Johanis bin Busu (2008) 2 JH (26) 182). Kepelbagaian bentuk jenis, takat sumbangan dan amalan pembahagian dalam harta sepencarian menunjukkan bahawa harmonisasi hukum fiqh seperti amalan '*uruf* dan adaptasi undang-undang syariah dapat diguna pakai dalam institusi keluarga Islam (Tajul Urus et al., 2021). Ini secara tidak langsung membantu mengenal pasti isu dan masalah wanita yang bekerja atau tidak bekerja (Muhammad & Abdul Halim, 2022; Mohd Zainon et al., 2021). Walaupun artikel-artikel ini membincangkan pelbagai aspek melibatkan jenis, takat sumbangan dan amalan pembahagian, namun status harta intelek dan hak cipta masih belum direkodkan di Mahkamah Syariah dan tidak dibincangkan oleh ulama klasik (Mazlan & Muda, 2020; Abu Bakar et al., 2021). Kajian ini juga mendapati bahawa perbincangan mengenai Deklarasi Harta Sepencarian secara langsung juga tidak disentuh.

### **Tema Ketiga: Bagaimana Kes Dikendalikan di Mahkamah Syariah dan Isu Keadilan**

Tema ini mengkaji proses yang terlibat dalam pengendalian kes harta sepencarian di Mahkamah Syariah, dengan tumpuan utama pada mekanisme penyelesaian kes dan aplikasi maqasid syariah untuk memastikan keadilan. Sulaiman et al. (2023) menekankan keperluan untuk penambahbaikan sistemik di Mahkamah Syariah bagi meningkatkan penyampaian keadilan dalam tuntutan harta sepencarian. Tambahan pula, Mazlan dan Abd Aziz dan Hussin (2023) dan Md. Yazid et al. (2024) berhujah bahawa tuntutan harta sepencarian dalam perkahwinan poligami memerlukan pertimbangan khusus, kerana hak wanita untuk menuntut aset sepencarian mesti dijaga. Banyak kajian tempatan dan antarabangsa telah meneroka implikasi yang lebih luas daripada pengagihan harta sepencarian, menawarkan pandangan perbandingan tentang amalan terbaik. Antaranya, kajian oleh Sulaiman et al. dan Mazlan dan Abd Aziz (2023), Sahari et al. (2022), dan Wan Adnan dan Buang (2021) menekankan kepentingan pengendalian caruman dan pembahagian harta dengan kebijaksanaan dan ketepatan undang-undang di Mahkamah Syariah Malaysia. Menurut Wan Adnan dan Buang (2021), kaedah sulh berfungsi sebagai mekanisme penyelesaian pertikaian utama dalam tuntutan harta sepencarian Mahkamah Syariah. Beberapa kes menggambarkan pendekatan ini, termasuk: Tauran bin Abdul Hamid lwn Junaida bt Isa [2012] 1 SHLR 76, Hawa binti Embong lwn Ahmad bin Muda [1425H] 17/2 JH 199, Fauziah Begum Binti Mohideen Batcha lwn Imran

Bin Harun (No. Kes 05200-017-0124-2018), Rajii Binti Saidun lwn Habsah Binti Mat & Seorang Lagi (No. Kes Mal 05200-017-0258-2018).

Kaedah sulh telah terbukti sebagai pendekatan yang cekap dan kos efektif untuk menyelesaikan pertikaian harta sepencarian. Contohnya, Mahkamah Syariah Negeri Sembilan berjaya menyelesaikan lebih 50 tuntutan harta sepencarian setiap tahun antara 2017 dan 2021 melalui prosiding sulh (Saifuddin et al., 2023). Kaedah ini menyediakan beberapa manfaat utama, termasuk: pengurangan kos kewangan untuk pihak litigan, meminimumkan perbicaraan mahkamah yang panjang, pengurangan beban kerja kehakiman, membolehkan pengurusan kes yang lebih cekap, meningkatkan keadilan dalam pengagihan harta, dan memastikan keadilan untuk semua pihak yang terlibat. Walaupun sulh telah terbukti sebagai alat penyelesaian yang berkesan, masih terdapat keperluan untuk rangka kerja perundangan yang lebih berstruktur untuk memperkemas lagi penyelesaian tuntutan harta sepencarian. Salah satu langkah tersebut ialah pelaksanaan Perisytiharan Harta Sepencarian, yang berfungsi sebagai instrumen perundangan proaktif untuk mendokumentasikan hak pemilikan dan sumbangan kewangan. Menyedari kepentingan deklarasi sedemikian dapat meningkatkan kepastian undang-undang, mengurangkan pertikaian, dan menyokong pendekatan yang lebih sistematik terhadap tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Syariah.

#### **Tema Keempat: Perbandingan Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil**

Perbandingan antara Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil dalam konteks harta sepencarian telah diterokai secara meluas oleh para penyelidik. Serji et al. (2021) menekankan keperluan untuk perhatian yang lebih besar terhadap isu pemisahan bidang kuasa, terutamanya dalam kes yang melibatkan Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil. Walaupun tuntutan harta sepencarian berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, konflik sering timbul dengan Mahkamah Sivil, terutamanya dalam kes yang melibatkan pewarisan dan pentadbiran harta pusaka selepas kematian pasangan. Satu bidang pertindihan bidang kuasa utama melibatkan pentadbiran harta pusaka, kerana perkara seperti permohonan probet dan pemberian Surat Kuasa Wakil berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil (Abdullah et al., 2023). Pembahagian kuasa undang-undang ini sering membawa kepada komplikasi dalam penyelesaian tuntutan harta sepencarian, mewujudkan kelewatan dan ketidakpastian undang-undang bagi pihak yang terjejas. Bagi menangani cabaran ini, Hussin dan Daud (2020) dan Ramlan et al., (2022) menekankan keperluan untuk integrasi undang-undang yang lebih baik antara undang-undang Syariah dan Sivil untuk mewujudkan rangka kerja undang-undang yang lebih padu dan komprehensif untuk mengendalikan pertikaian harta sepencarian. Memastikan sempadan bidang kuasa yang lebih jelas dan memupuk penyelarasan yang lebih baik antara sistem Mahkamah Syariah dan Sivil boleh membawa kepada penyelesaian kes yang lebih cekap dan perlindungan hak harta yang lebih baik untuk semua pihak yang terlibat (Hussin et al., 2024)

